

Tiga teras belanjawan — PM

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

UM 20 SEP 2002

PUTRAJAYA 19 Sept. — Belanjawan 2003 yang dibentang esok akan melibatkan perubahan strategi dengan teras utamanya memberi tumpuan yang lebih kepada pendidikan sekolah rendah.

Dua teras lain yang turut diberi penekanan kali ini ialah mengenai pembangunan kaum wanita dan merangsang aktiviti perniagaan dalam negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, belanjawan kali ini akan memberi peruntukan yang lebih besar untuk pendidikan di peringkat sekolah rendah.

“Kalau dulu (belanjawan lepas) kita bagi peruntukan besar kepada pendidikan peringkat tinggi, kali ini kita nak bagi peruntukan yang lebih untuk peringkat rendah.

“Ini kerana kita berpendapat pembentukan peribadi rakyat akan datang mesti bermula dari sekolah rendah,” katanya di bangunan Kementerian Kewangan baru, Khazanah Malaysia di sini malam ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau persiapan terakhir penyediaan teks ucapan belanjawan yang akan dibentangkannya di Parlimen pukul 3 petang esok.

● Komen Dr. M mengenai dakwaan Hadi — Muka 2

Dr. Mahathir memberitahu, perubahan dalam strategi Belanjawan 2003 dibuat selepas melakukan analisis terhadap belanjawan lepas.

Mengenai peruntukan untuk wanita dalam belanjawan kali ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan merasakan wajar memberi tumpuan kepada golongan itu memandangkan peranan mereka dalam negara semakin meningkat.

“Dalam Kementerian Kewangan ini pun kebanyakan kakitangan dan pegawai adalah wanita.

“Jadi kita nak bagi peruntukan lebih kepada wanita dalam usaha untuk membangunkan keluarga bahagia,” katanya.

Mengenai teras kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara, beliau berkata, kerajaan mendapati nilai dagangan negara dua kali ganda lebih besar daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sedangkan, kata beliau, di negara maju perdagangan luar negara hanya sekitar 20 dan 30 peratus daripada KDNK.

■ Lihat muka 4

Tiga teras belanjawan — PM

“Justeru tumpuan akan diberikan kepada pertumbuhan ekonomi yang berpunca dari dalam negara dan tidak terlalu bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI) mahupun eksport import,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, ini tidak bermakna perdagangan luar negara akan dikurangkan cuma aktiviti dalam negara yang akan lebih dipergiatkan lagi.

Untuk itu, menurut Dr. Mahathir, beberapa insentif akan diberikan bagi menggalakkan pertumbuhan industri dalam negara.

Selain sektor perkhidmatan, Perdana Menteri menyenaraikan antara industri yang berpotensi untuk dima-

jukan seperti pelancongan, pelabuhan dan peruncitan.

Di samping itu, katanya, kerajaan juga mahu perniagaan berasaskan teknologi maklumat (IT) dipergiatkan.

“Semua ini dengan tujuan untuk menentukan sumber dalam negara meningkat lebih pesat daripada sumbangan luar negara,” katanya.

Terdahulu Dr. Mahathir meluangkan masa hampir setengah jam meninjau proses percetakan dan penyediaan teks ucapan belanjawan beliau yang akan dibentangkan esok.

Menurutnya, semua dokumen dan laporan lain sudah disiapkan lebih awal.

“Tinggal lagi ucapan dalam Bahasa Melayu dan terjemahan ke bahasa Inggeris tetapi kementerian bagi jaminan semuanya akan siap dan mereka akan kerja sampai esok pagi,” katanya.

Beliau membayangkan teks ucapannya kali ini lebih tebal daripada teks belanjawan lepas.

Turut mengiringi Dr. Mahathir dalam tinjauan itu ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Shafie Salleh dan Datuk Chan Kong Choy serta Setiausaha Parlimen kementerian, Hashim Ismail.